

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Thursday, August 17, 2017 4:02 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Rahayu Binti Ahmad
Subject: PELAJAR MOBILITI UUM DI UNIVERSITI AIRLANGGA, INDONESIA TERUJA DENGAN BUDAYA BARU



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

24 Zulkaedah 1438H bersamaan 17 Ogos 2017

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلامة على من رزقهم الله وبنو كماله

PELAJAR MOBILITI UUM DI UNIVERSITI AIRLANGGA, INDONESIA TERUJA DENGAN BUDAYA BARU

Seramai 10 orang pelajar dari pusat pengajian SMMTC, UUM CAS telah terpilih dalam program Academic Mobility Exchange for Undergraduate at Airlangga (AMERTA) selama satu semester di Universitas Airlangga, Indonesia. Mereka ialah Azmath Begam Abdul Aziz, Guneshwari A/P Sellappan, Ida Nursyamimi Mat Johari, Lee Ying Xuan, Lim Ching Yi, Meenaloshani A/P Ganeson, Nur Ain Abdullah, Tharani A/P Muniandy, Wan Fatimah Wan Shahrir dan Wan Nurfarhana Wan Syahrizan.



Seorang peserta pelajar Azmath Begam berkata , “Sebelum saya bertolak ke Indonesia saya berasa sangat teruja kerana ia merupakan pengalaman penerbangan pertama saya luar daripada Malaysia dan tahap keseronokan saya semakin meningkat selepas saya sampai di Indonesia. Saya berasa agak takut dari segi keselamatan di Indonesia namun selepas saya tinggal beberapa hari di sini, orang-orang tempatan sangat ramah dan sangat membantu. Saya juga berasa sangat teruja untuk belajar budaya baru dan mengamalkannya. Beberapa wakil pelajar dari UNAIR (buddy) telah banyak membantu kami dalam pelbagai hal dari hari pertama kami di Indonesia. Saya juga berasa sangat gembira untuk bertemu dengan pelajar dari negara yang berbeza serta seronok berkomunikasi dengan mereka. Akhirnya sepanjang orientasi berlangsung, saya sangat bangga dengan diri saya untuk mewakili uum bagi program AMERTA.”

Manakala Pelajar Lim Ching Yi berkata, “Pogram ini amat mencabar bagi saya kerana ianya merupakan pengalaman pertama saya ke luar negara iaitu Surabaya,Indonesia. Sebelum saya sampai ke surabaya, saya mempunyai pelbagai persepsi mengenai kehidupan di sana tetutamanya budaya di sana. Saya mempunyai tanggapan bahawa besar kemungkinan makanan dan kehidupan di sana tidak sesuai bagi saya. Selepas tiba di sana selama 1 minggu, saya berpendapat bahawa penduduk di Surabaya sangat peramah dan saya juga dapat berkenalan dengan pelbagai pelajar dari luar negara seperti France, Cambodia, Brunei, German dan Romania. Saya gemar bergaul dengan mereka kerana boleh berkongsi budaya antara satu sama lain. Selain itu, makanan di sini sangat sedap dan rasanya mempunyai

keistimewaan tersendiri seperti Bak So, Rawan, makanan Jawa dan sebagainya. Pengangkutan di sini sangat mudah dan murah seperti Grab, Go Jek, beca, Bemo dan Speda. Saya mendapati mudah untuk menyesuaikan diri di Surabaya kerana budayanya agak sama dengan Malaysia. Akhir sekali, saya berharap saya dapat mempelajari dan meningkatkan lagi kemahiran kepimpinan, komunikasi, berkumpulan dan berfikir kreatif dan inovasi melalui program AMERTA ini.”

Habis

Sekian.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my

Students Development & Alumni Office
@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.